

**AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH  
PERSEKUTUAN 1982  
(AKTA 267)**

**NOTIS PENYEDIAAN DRAF PELAN STRUKTUR  
P.U.(B)116/2020**

---

SENARAI PINDAAN :

<b>BIL.</b>	<b>PINDAAN</b>	<b>TARIKH</b>	<b>CATITAN</b>
<b>1</b>			
<b>2</b>			
<b>3</b>			
<b>4</b>			
<b>5</b>			
<b>6</b>			
<b>7</b>			
<b>8</b>			

P.U. (B) 116.

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982

NOTIS PENYEDIAAN DRAF PELAN STRUKTUR

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [*Akta 267*], Datuk Bandar Kuala Lumpur memberikan notis mengenai penyediaan draf pelan struktur bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dinamakan draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040.

Salinan draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 boleh diperiksa atau dibeli pada waktu pejabat dan pada hari Sabtu mulai 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari di Jabatan Perancangan Bandar Raya, Tingkat 13, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur dari 18 Februari 2020 hingga 18 Mac 2020.

Fi bagi pembelian salinan draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Fi bagi Pembelian Draf Pelan Struktur) 2020 [*P.U. (A) 59/2020*].

Orang awam dipelawa untuk membuat bantahan atau representasi, secara bertulis, berkenaan dengan draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 dengan menyatakan alasan bagi bantahan atau representasi itu kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur di Jabatan Perancangan Bandar Raya, Tingkat 13, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur atau melalui e-mel ke [jprb@dbkl.gov.my](mailto:jprb@dbkl.gov.my), pada atau sebelum 18 Mac 2020.

Datuk Bandar Kuala Lumpur akan menetapkan masa dan tempat untuk mendengar bantahan atau representasi yang dibuat.

Bertarikh 14 Februari 2020

[DBKL/JUP/BPPP/GN/11/2003 Jld. 1; PN(PU2)396/VII]

DATO' NOR HISHAM BIN A DAHLAN  
*Datuk Bandar Kuala Lumpur*

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982

NOTICE OF PREPARATION OF DRAFT STRUCTURE PLAN

IN exercise of the powers conferred by section 7 of the Federal Territory (Planning) Act 1982 [*Act 267*], the Commissioner of the City of Kuala Lumpur gives notice of the preparation of a draft structure plan for the Federal Territory of Kuala Lumpur named as the draft Kuala Lumpur Structure Plan 2040.

A copy of the draft Kuala Lumpur Structure Plan 2040 may be inspected or purchased during office hours and on Saturday from 9.00 am to 1.00 pm at the Department of Town Planning, Level 13, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur from 18 February 2020 to 18 March 2020.

The fee for the purchase of a copy of the draft Kuala Lumpur Structure Plan 2040 shall be as prescribed in the Federal Territory (Planning) (Fee for Purchase of Draft Structure Plan) Rules 2020 [*P.U. (A) 59/2020*].